

29/08/2001

Kongres bantu perkuat asas pendidikan Melayu

Hatipah Ahmad; Khairul Anwar Rahmat

PERSOALAN "untuk apa belajar tinggi" atau "ke mana kita selepas ini" masih menghantui minda pelajar Melayu. Walaupun mereka sedar bahawa pendidikan itu penting, namun kekeliruan ini masih menjadi nanah dalam bidang pendidikan hingga ke peringkat tinggi.

Pelajar Melayu walaupun ada yang berjaya dalam bidang masing-masing, namun yang ketinggalan jauh daripada bangsa lain adalah lebih ramai. Hakikat ini perlu diterima oleh orang Melayu bahawa mereka perlu berusaha lebih keras lagi bagi menyaingi kaum lain.

Menyedari hakikat ini, sekumpulan pemikir berpendapat bahawa orang Melayu perlu berbincang dan mencurahkan idea bagaimana kelemahan dan kelonggaran dalam bidang pendidikan dapat diselesaikan.

Segolongan cendekiawan bertemu lebih 12 kali dalam tempoh tiga bulan lalu dan seterusnya mencadangkan Kongres Pendidikan Melayu Pertama supaya idea semua orang Melayu dapat dikerah, dikumpul dan digunakan untuk mengatasi kelemahan ini.

Kongres dua hari mulai Sabtu ini dijangka dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Ia dianjurkan oleh Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat dan Kumpulan Melayu Prihatin.

Pengerusi Jawatankuasa Promosi dan Seranta kongres itu, Dr Alias Mohamed, berkata pertemuan itu dinamakan Kongres Pendidikan Pertama kerana pihaknya berharap selepas ini akan ada kongres seumpamanya dianjurkan oleh pihak lain.

"Jika boleh, kita mahu membina satu momentum mengenai kongres ini supaya masyarakat sedar bahawa perlu ada kesinambungan mengenai program ini pada masa depan. Program seumpama ini perlu dianjurkan pada peringkat negeri oleh pelbagai pihak, termasuk yang menyokong kerajaan atau pembangkang.

"Ini kerana masalah pendidikan sekarang adalah masalah anak kita dan sepatutnya meliputi semua aspek berkaitan, seperti agama, sains dan institusi pengajian tinggi awam atau swasta," katanya.

Dr Alias berkata, masalah ketidakfahaman adalah perkara pokok yang perlu diperbetulkan. Ia merangkumi banyak kategori, antaranya tidak memberi pemahaman yang cukup mengenai sesuatu perkara kepada pelajar dan ini memang jelas, salah kita sendiri.

Beliau berkata, ketidakfahaman menyebabkan orang Melayu lebih terdedah kepada perkara di luar bidang pendidikan seperti isu politik. Keadaan itu menimbulkan kekeliruan yang menyebabkan mereka lebih suka mendengar khabar angin atau hujah yang tidak ada fakta daripada orang yang bukan pakar.

Ketidakfahaman juga berlaku disebabkan salah pelajar sendiri. Mereka tidak faham masalah sebenar, tetapi melemparkan tohmahan bahawa kerajaan zalim hingga sanggup menjadikan orang Islam dan golongan pemimpin sendiri sebagai musuh.

Alias berkata, ketidakfahaman orang Melayu juga berlaku dalam menilai pendidikan dan sumbangan kerajaan, seperti biasiswa, universiti, sekolah, kolej dan jalan raya.

Katanya, golongan itu berpendapat penyediaan prasarana adalah tugas yang perlu dilaksanakan oleh kerajaan untuk rakyat. "Masalah ini membabitkan mentaliti yang minda mereka tidak terbuka, sebaliknya hanya diarahkan pada satu hala. Mereka harus mendapat perspektif betul dan lurus supaya akhirnya dapat berfikir secara rasional," katanya.

Sehubungan itu, Dr Alias berkata, usaha membetulkan kekeliruan dan ketidakfahaman itu adalah tanggungjawab semua dan tidak sepatutnya

dibebankan atau dipikul oleh pembuat dasar saja.

"Ini kerana masyarakat perlu sedar dan membuka mata mengenai kelemahan dalam sistem pendidikan kita. Cendekiawan Melayu perlu memperbetulkan persepsi masyarakat supaya memahami masalah generasi akan datang, jika tidak, masalah ini akan berpanjangan.

"Kita tidak mahu perkara ini berterusan kerana akan memudaratkan kelangsungan politik, ekonomi, pendidikan, sosial dan agama orang Melayu," katanya.

Kongres itu diharapkan dapat memperbetulkan persepsi dan matlamat pendidikan negara supaya orang Melayu boleh mendapat manfaat daripada sistem ini. "Idea mengadakan kongres itu timbul daripada masalah dalam sistem pendidikan sekarang, seperti pelajar Melayu suka melepak, lemah dalam pelajaran dan terbabit dengan jenayah. Peratusan pelajar Melayu yang terbabit dalam kegiatan negatif amat tinggi.

"Walaupun Melayu ramai di pusat pengajian tinggi, namun mereka lebih dinilai dari segi bilangan, bukan mutunya," katanya.

Sistem pendidikan sekarang walaupun baik tetapi wujud beberapa kelemahan. Kesatuan Perkhidmatan Keguruan Kebangsaan pernah menimbulkan kelemahan sistem pendidikan, namun mereka tidak menerangkannya secara terperinci supaya tindakan boleh diambil untuk membaikinya.

"Kita berpendapat sudah tiba masanya orang Melayu bersatu dan mencari jalan untuk menyelesaikan masalah pendidikan orang Melayu sendiri. Kongres itu walaupun tidak dapat mengatasi semua masalah secara menyeluruh, namun pada akhir persidangan, kita akan mengeluarkan resolusi atau deklarasi untuk dihantar kepada Kementerian Pendidikan untuk tindakan selanjutnya," katanya.

Isu kelemahan dalam bidang sains, agama, prapersekolahan, ketidakseimbangan di IPTA dan IPTS, termasuk kelemahan dasarnya akan turut dibincangkan.

Banyak aspek akan dicungkil, seperti bagaimana masalah pemahaman akidah, ketidakfahaman masalah hidup dan ajaran agama yang gagal dibentuk dari rumah, menjadikan sistem pendidikan gagal membendung masalah pelajar Melayu melepak dan malas.

Berbanding bukan Melayu, beliau berkata, pemahaman dan aspirasi mereka terhadap pendidikan lebih tinggi daripada Melayu kerana ibu bapa mereka menanamkan budaya cinta dan sayang kepada pendidikan.

"Sebenarnya, kita harus mendidik dan memberitahu mereka pentingnya cinta kepada pelajaran," katanya.

Antara tokoh yang dijangka membentangkan kertas kerja pada kongres itu ialah Presiden Universiti Tun Abdul Razak (Unitar), Prof Datuk Dr Syed Othman Alhabshi dengan kertas kerja bertajuk Dasar dan Pelaksanaan dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan; Fellow Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim), Uthman El Muhammady dan Presiden Kolej Islam Selangor Darul Ehsan (Pendidikan Agama Dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan); bekas Dekan Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, Prof Datuk Ishak Harun (Prestasi Pelajar Melayu); Dekan Fakulti Kemanusiaan dan Sains Sosial Unitar, Prof Datuk Dr Ibrahim Ahmad Bajunid (Memartabatkan Profesion Perguruan); Presiden Persatuan Kebangsaan IPTS Bumiputera Malaysia, Prof Dr Ismail Mohd Salleh (Pendidikan Tinggi-Sumbangan Kepada Pembangunan Negara) dan Ketua Pengarah Mara, Datuk Mydin Mohd Sheriff (Pendidikan Vokasional dan Teknikal Untuk Melahirkan Tenaga Kerja Mahir dan Separa Mahir).

(END)